

EFIKASI KENDIRI GURU DAN KEBERKESANAN SEKOLAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN DI SELANGOR, MALAYSIA

*Bavanee Gopal

Kenny Cheah Soon Lee

Ahmad Zabidi Abdul Razak

Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

*bavaneegopal@hotmail.com

ABSTRACT

Teachers are crucial agents in education, responsible for supporting the best needs of students and requiring confidence and self-belief to overcome obstacles in achieving established goals. With the shift in Malaysian education reforms from examination-oriented practices to classroom-based assessments, teachers must possess strong confidence and belief to handle this significant responsibility. Teacher self-efficacy is a crucial element that helps them adapt to these changes and enhances their performance. A cross-sectional study was conducted in national primary schools in Selangor, Malaysia, involving 382 teachers selected through stratified random sampling. The survey instrument used was the Teacher's Self-Efficacy by Tschanne-Moran and Hoy (2001) and the seven School Effectiveness correlations adapted from research in Malaysia. Descriptive statistical analysis was used to determine the mean, and Pearson's correlation coefficient (r) was applied to assess the relationship between teacher self-efficacy and school effectiveness. The findings revealed that teacher self-efficacy and school effectiveness were very high, with a moderate relationship between the two variables ($r = .386$). These findings indicate that teacher self-efficacy is critical for effectively and creatively performing their duties. Furthermore, these findings can assist the Malaysian Ministry of Education and related bodies in developing and designing modules emphasizing teacher self-efficacy, which could further enhance teacher self-efficacy and school effectiveness across various educational institutions.

Keywords: Teachers' Self-Efficacy, School Effectiveness, Students, Primary School

PENGENALAN

Pelan Pendidikan Malaysia (MEB 2013-2025) ditumpukan pada guru kerana mereka ialah orang utama di sekolah yang memastikan visi dan misi sekolah dicapai. Selain itu, guru sebagai agen perubahan harus mempunyai kemampuan untuk menghasilkan pelajar yang berjaya. Pada masa yang sama, mereka juga harus mempunyai kepuasan dan kegembiraan dengan kerja yang dilakukan. Ismail dan Wahid (2018) menyatakan bahawa prestasi pelajar bergantung pada kemahiran dan pengetahuan guru. Ini termasuklah kualiti mereka sebagai guru di Malaysia, yang mempunyai tanggungjawab membawa keluar potensi pelajar dalam bidang akademik dan bukan akademik. Di samping itu, dalam sesbuah sekolah, guru adalah yang paling dekat dengan pelajar kerana mereka menghabiskan sekurang-kurangnya lima jam di sekolah dan beberapa pelajar rasa mereka lebih selesa dengan guru berbanding dengan ibu bapa mereka. Tujuan utama pendidikan kebangsaan Malaysia melalui MEB (2013-2025) adalah untuk mengurangkan perbezaan prestasi pelajar antara sekolah. Ini boleh dicapai dengan amalan guru yang lebih baik (Ismail & Abdul, 2019). Pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 oleh Kementerian Pendidikan (MOE) untuk tetap relevan di persada global menempatkan guru di garisan hadapan (Abdullah et al, 2020). Tetapi

dengan perubahan yang sedang berlaku dalam sistem pendidikan, guru mungkin mengalami kesulitan dalam prestasi kerja dan mungkin memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ini (Ismail & Wahid, 2018). Dengan ini, semua halangan boleh diatasi dengan memperkayakan efikasi kendiri guru, seperti yang dikatakan He dan Mico (2006) bahawa efikasi kendiri guru ialah dimensi yang kuat dalam pendidikan.

Bandura (1997) mendefinisikan efikasi kendiri sebagai keyakinan yang dibina berdasarkan minat oleh seseorang individu, manakala bagi guru, ia adalah kepercayaan mereka terhadap kemampuan mereka sendiri dalam mengendali pembelajaran di kelas dan memastikan pelajar mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Sementara itu, Ramli dan Yusuf (2020) dalam kajian mereka mendapati bahawa kepercayaan guru terhadap kebolehan mereka membantu dalam pembelajaran di kelas secara berkesan dan prestasi pelajar turut meningkat. Perubahan dalam sistem pendidikan memerlukan idea-idea yang baru dan inovasi daripada kalangan guru, manakala memastikan pelajar terlibat dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang lestari, selari dengan perubahan terbaru. Mereka juga berpendapat bahawa para guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi percaya dan mampu untuk berkongsi pengetahuan mereka secara produktif. Zarina (2017) berkata bahawa kewujudan efikasi kendiri dalam diri seseorang mampu sekurang-kurangnya untuk mengiringi kebijaksanaan para guru dan pelajar menuju kecemerlangan tinggi (Zainal & Mohd, 2021). Benolel dan Berkovich (2021) menunjukkan bahawa kepercayaan pada kebolehan sendiri guru dikaitkan bukan sahaja dengan kejayaan pelajar tetapi juga kepada kriteria-kriteria lain dikaitkan dengan keberkesanannya sekolah (Wangid et al., 2020).

Terdapat beberapa faktor yang dikaitkan dengan keberkesanannya sekolah seperti visi dan misi yang ditetapkan, sekolah yang aman dan bebas daripada segala ancaman dalam sebarang keadaan, kepimpinan, kejayaan pelajar, masa instruksional dalam pengajaran dan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam aktiviti sekolah (Lezote & Synder, 2011). Sebagaimana disebutkan oleh Khairani dan Makara (2020), efikasi kendiri guru merupakan faktor utama dikaitkan dengan keberkesanannya sekolah. Oleh itu, sudah tiba masa untuk mengkaji hubungan diantara efikasi kendiri guru dan keberkesanannya sekolah dan kesan efikasi kendiri guru terhadap keberkesanannya sekolah.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan, didapati bahawa efikasi kendiri guru memberi kesan yang positif terhadap keberkesanannya sekolah dan keperluan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan berkesan. Oleh itu, objektif berikut telah dikenal pasti:

1. Untuk mengenal pasti tahap pencapaian efikasi kendiri guru di sekolah rendah kebangsaan di Selangor, Malaysia.
2. Untuk mengenal pasti tahap pencapaian keberkesanannya sekolah di sekolah rendah kebangsaan di Selangor, Malaysia.
3. Untuk mengenal pasti hubungan antara efikasi kendiri guru dan keberkesanannya sekolah di sekolah rendah kebangsaan di Selangor, Malaysia.

TINJAUAN LITERATUR

Efikasi Guru

Efikasi guru adalah salah satu topik yang popular dalam penyelidikan pendidikan yang menumpukan pada kebolehan guru (Ford, 2012). Konsep ini pertama kali dikembangkan pada tahun 1980-an dan Öztürk et al. (2020) mendefinisikan efikasi kendiri sebagai kepercayaan seseorang terhadap kebolehan dan keyakinan pada dirinya sendiri. Efikasi kendiri guru penting dalam meningkatkan kualiti pelajar (Martin & Mulvihill, 2019) kerana efikasi kendiri guru ialah kepercayaan guru terhadap dirinya sendiri dalam mengajar pelajaran dan mencapai objektif yang ditetapkan untuk pelajar (Kim & Seo, 2018).

Griffin (2009) menambahkan bahawa boleh ubah ini mencipta sebuah persekitaran belajar sihat, menggalakkan disiplin yang baik dan mencipta kerjasama antara semua yang terlibat dalam perjalanan sesebuah sekolah. Efikasi kendiri guru boleh diuraikan menggunakan teori kognitif sosial oleh Bandura (1997), kerana ia adalah bentuk komunikasi antara individu dan persekitaran yang menghasilkan suatu tabiat yang dipengaruhi oleh situasi, emosi dan persekitaran kognitif (Abdullah, 2019). Lacks (2016) dalam kajian beliau menambahkan bahawa teori kognitif sosial istimewa kerana ia dapatnya daripada perilaku seseorang dan kemampuan untuk mengekalkan ia dalam persekitaran yang berbeza. Ini jelas menunjukkan teori kognitif sosial adalah relevan dalam sifat guru sebagai agen sosial yang boleh mendidik pelajar (Thayer, 2020).

Kepercayaan diri ialah satu konstruk dalam teori kognitif sosial dan terdapat empat sumber yang dapat mempengaruhi kepercayaan diri (Folk, 2015); pengalaman penguasaan, pengalaman *vicarious*, persuasi verbal atau sosial dan rangsangan fisiologi. Pengalaman penguasaan berdasarkan kepada pengulangan tugas seseorang, yang dapat meningkatkan kepercayaan diri mereka kerana guru-guru yang diberikan tugas yang sama setiap tahun cenderung mempunyai kepercayaan diri yang tinggi dalam melaksanakan pelajaran berbanding dengan guru baru. Ini amat berbeza daripada pengalaman *vicarious* di mana seseorang mengamati sesuatu situasi atau perlakuan untuk mendapatkan pengalaman berbanding dengan melakukannya sendiri (Ford, 2012). Freeman (2008) menambah bahawa persuasi verbal boleh membawa keadaan positif atau negatif yang membantu tahap keberkesanan. Sementara itu, keadaan fisiologi merujuk kepada kepercayaan diri yang dapat diperolehi daripada pengalaman emosi yang tercatat dalam minda seseorang. Menurut Bandura (1997), pengalaman penguasaan ialah sumber yang paling berjaya dalam kepercayaan diri tetapi sumber-sumber ini mempunyai kesan individu atau kolektif terhadap kepercayaan diri seseorang dan dapat disaring oleh proses kognitif (Ghasemboland, 2019) dan boleh digunakan dalam meningkatkan guru-guru itu sendiri serta hasil pelajar mereka (Zakariya, 2020). Penggunaan teori kognitif oleh Bandura untuk efikasi kendiri guru di Malaysia dapat dilihat pada kebanyakan kajian (Sandaraj & Hashim, 2022; Shafiee & Ghani, 2022; Thien & Liu, 2024). Ini menunjukkan teori kognitif sesuai untuk menerangkan efikasi kendiri guru. Ia juga penting untuk guru-guru membuat keputusan berkaitan pendidikan dan pengajaran (Sandaraj & Hashim, 2022). Malahan, efikasi kendiri guru yang tinggi membantu dalam proses instruksional guru secara efektif (Shafiee & Ghani, 2022).

Tschannen-Moran dan Hoy (1998) menghasilkan model berdasarkan teori Bandura dan menentukan tahap efikasi kendiri guru berdasarkan tiga dimensi; strategi pengajaran, pengurusan kelas dan penglibatan pelajar. Strategi pengajaran ialah kemampuan guru dalam mengadopsi dan mencipta teknik dan kaedah yang berbeza (Laughter, 2017). Strategi pengajaran ialah instrumen tidak hanya dalam pengajaran dan pembelajaran tetapi juga dalam menilai pelajar dan mempromosikan kemahiran berfikir dalam mereka. Johar (2022) menambah bahawa tahap keyakinan dalam strategi pengajaran membantu dalam menangani soalan yang sukar dengan menyediakan tugas yang sesuai untuk pelajar. Kepercayaan diri yang lebih tinggi dalam kalangan guru menggalakkan mereka dalam inovasi dan meneroka teknik dan kaedah pengajaran yang berbeza dalam pengajaran. Conary (2019) menambah bahawa menghadiri latihan dan seminar dapat meningkatkan kepercayaan diri mereka. Sandaraj dan Hashim (2022) dalam kajian di sekolah rendah di Malaysia menyatakan efikasi kendiri dikaitkan dengan motivasi guru dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengurusan bilik darjah merupakan kemampuan seorang guru dalam memastikan keterlibatan pelajar dalam proses pembelajaran (Perera et al., 2019). Kemampuan guru dalam mengurus dan menyusun bilik darjah selain daripada matlamat yang ditetapkan oleh guru untuk pelajar (Johnakin-Putnam, 2020). Pengurusan bilik darjah sangat penting bukan sahaja untuk memelihara prestasi dan tingkah laku pelajar tetapi juga prestasi dan mengurangkan tekanan guru (Conrary, 2019). Ini jelas menunjukkan bahawa guru yang mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dapat mengawal bilik darjah mereka dengan lebih

baik terutamanya tingkah laku dan disiplin pelajar sehingga tidak ada gangguan yang dapat menyebabkan kesalahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.


Apabila strategi pengajaran dan pengurusan bilik darjah berada pada paras yang tinggi, penglibatan pelajar dan minat mereka dalam pembelajaran turut meningkat. Connary (2019) menambah bahawa prestasi pelajar lebih baik ketika efikasi kendiri guru terhadap pengurusan bilik darjah kuat. Tambahan lagi, Laughter (2017) menjelaskan bahawa bukan sahaja prestasi pelajar, pengurusan bilik darjah yang baik juga meningkatkan motivasi dan prestasi kerja guru. Khairani dan Makara (2020) menyatakan bahawa efikasi kendiri guru yang tinggi dapat mempengaruhi perilaku pelajar dan kemahiran berfikir pelajar juga dapat ditingkatkan (Buric & Kim, 2020). Menurut Liang dan Tai (2021), berdasarkan kajian mereka di sekolah-sekolah di Semanjung Malaysia, efikasi guru penting dalam mengasah dan mengembangkan kemahiran serta mengalakkan penbelajaran berkualiti. Pelibatan pelajar sangat penting dalam pemikiran pelajar, berinteraksi dengan fikiran mereka dan penglibatan aktif bukan sahaja di dalam kelas tetapi juga keseluruhan peningkatan (Laughter, 2017). Menurut Johnakin-Putnam (2020), penglibatan pelajar merupakan inovasi daripada bakat guru dalam menarik minat pelajar dan melibatkan pelajar serta ibu bapa mereka dalam sekolah.

Keberkesanan Sekolah

Keberkesanan sekolah ialah isu yang berterusan dan sentiasa memerlukan kajian dari masa ke semasa kerana sistem tersebut mengalami perubahan yang luar biasa. Bermula dengan Laporan Coleman pada 1966, yang menyatakan status ekonomi dan sosial pelajar sebagai faktor utama dalam keberkesanan sekolah, pada tahun 80-an banyak kajian menunjukkan prestasi pelajar sangat penting (Lezote & Synder, 2011). Ozgenel & Mert (2019) mendefinisikan keberkesanan sekolah berdasarkan peningkatan kualiti, pembangunan murid dan sekolah secara umum, pencapaian murid diukur berdasarkan darjah prestasi mereka. Keberkesanan sekolah diukur apabila visi dan misi sekolah tercapai dan tanggungjawab ini dipikul oleh semua yang terlibat, termasuk pihak pentadbir, guru-guru, pelajar dan lain-lain sumber sama ada secara langsung atau tidak langsung. Olulube (2017) menunjukkan teori sistem sosial sesuai kerana melibatkan orang, persekitaran, sempadan dan mana-mana pencapaian yang berdasarkan visi dan misi tersebut. Sekolah di Malaysia berdasarkan teori sistem sosial terbuka kerana selalu mengalu-alukan bantuan dari ibu bapa atau pihak-pihak lain yang kepentingan di sekolah (Thien & Razak, 2012), maka sekolah-sekolah di Malaysia menggunakan model sistem sosial terbuka. Ada beberapa dimensi yang mempunyai ciri-ciri umum yang diterima luas untuk mengukur keberkesanan sekolah (Ismail et al., 2022). Kajian ini berdasarkan tujuh korelasi Lezote dan Synder (2011) yang berkaitan dengan keberkesanan sekolah. Korelasi keberkesanan sekolah berkaitan dengan kepemimpinan pengetua, visi dan misi yang jelas dan terfokus, persekitaran selamat dan teratur, harapan yang tinggi untuk kejayaan, peluang belajar dan hubungan yang positif antara ibu bapa dan sekolah. Kajian ini menggunakan asas teori sistem sosial terbuka daripada Lunenberg (2010) seperti yang tertulis dalam Rajah 1.

Rajah 1

Sistem Sosial Terbuka (Lunenberg, 2010)




Perilaku pengetua, terutamanya berdasarkan kemahiran komunikatif yang efektif, kecekapan dan kemampuan guru membantu pengetua dalam mencapai visi, harapan yang tinggi ditetapkan untuk pencapaian pelajar baik akademik maupun bukan akademik (Gustin, 2018). Ini membantu pelajar dan guru untuk bekerja ke arah visi dan misi yang jelas dikomunikasikan oleh pengetua (Gustin, 2018). Yang paling penting, guru diberikan masa yang cukup atau masa pengajaran mereka tidak diganggu dengan aktiviti lain dan pencapaian pelajar dapat diawasi secara kerap dan berterusan oleh mereka (Gustin, 2018).

Hubungan antara Efikasi Kendiri Guru dan Keberkesanan Sekolah

Efikasi kendiri guru ialah topik yang telah diberikan penelitian yang sangat mendalam dan dikaitkan dengan keberkesanan sekolah Noh et al. (2021) dan Johar (2022) telah menyatakan bahawa efikasi kendiri guru ialah penentu penting untuk guru dan juga untuk keberkesanan sekolah. Jeffri dan Hamid (2022) telah menambahkan bahawa efikasi kendiri guru ialah salah satu dimensi yang penting dalam prestasi pendidikan. Efikasi kendiri guru tidak hanya membantu prestasi guru, ia juga menjadi motivasi untuk prestasi pelajar (Mansor & Hamid, 2021). Bric dan Kim (2020) telah menemui bahawa efikasi kendiri guru mempunyai hubungan positif dengan hasil yang dikaitkan dengan pelajar malah ramai penyelidik telah menemui bahawa guru mempunyai kesan positif terhadap keberkesanan sekolah Goskoy (2020) dan Evans (2020) dalam kajian mereka telah menyatakan bahawa hubungan positif dengan ibu bapa membuat hasil yang luar biasa kepada kedua-dua efikasi kendiri guru dan keberkesanan sekolah. Walaupun terdapat banyak penelitian tentang kedua-dua dimensi ini, kajian yang terus diperlukan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang ini untuk menghasilkan pelajar yang cemerlang (Zainal & Matore, 2021). Ia jelas menunjukkan bahawa efikasi kendiri guru ialah faktor penting dalam meningkatkan kualiti pelajar secara khusus dan keberkesanan sekolah secara keseluruhan. Rajah 2 menunjukkan kerangka untuk kajian ini.

Rajah 2

Kerangka Kajian



KAEDAH

Populasi untuk kajian ini terdiri daripada guru-guru di sekolah rendah kebangsaan di Selangor, Malaysia. Persampelan kadar rawak digunakan dan 382 guru dipilih sebagai sampel untuk mengumpulkan data. Persampelan rawak digunakan kerana setiap sekolah mempunyai bilangan guru yang berbeza, jadi persampelan in amat sesuai untuk mewakili jumlah populasi yang sebenar. Data yang dikumpulkan dengan menggunakan dua instrumen; keberkesanan diri guru oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2021) dan 7 korelasi keberkesanan sekolah oleh Talebloo (2015). Kedua-dua instrumen diskalakan pada skala Likert lima titik dengan skala terendah pada 1 "sangat tidak bersetuju" dan 5 "sangat bersetuju". Keberkesanan diri guru mempunyai 12 item manakala keberkesanan sekolah mempunyai 44 item. Skala Likert ini amat sesuai untuk mengukur persepsi guru and tingkah laku yang berkaitan dengan kajian. Tambahan pula, skala Likert ini memberi kebebasan kepada responden untuk memilih jawapan berkaitan persoalan kerana mempunyai jurang yang luas daripada 1-5.

ANALISIS STATISTIK

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan analisis mengenai tahap efikasi kendiri guru dan keberkesanan sekolah. Penskalaan nilai min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan kekuatan kedua-dua dimensi yang dikaji. Pearson(r) korelasi digunakan untuk memahami kekuatan hubungan antara efikasi kendiri guru dan keberkesanan sekolah. Jadual 1 menunjukkan penafsiran nilai skor min dan Jadual 2 menunjukkan kekuatan hubungan di antara kedua-dua dimensi yang dikaji berdasarkan nilai korelasi Pearson(r).

Jadual 1

Tafsiran Skor Min: Chua (2013)

Min	Skor
3.67-5.00	Tinggi
3.34-3.66	Sederhana
1.00-2.33	Rendah

Jadual 2

Pekali Korelasi Pearson(r)

Pekali Korelasi(r)	Skor
± 0.50 to ± 1.00	Tinggi(positif/negatif)
± 0.30 to ± 0.49	Sederhana(positif/negatif)
± 0.01 to 0.29	Rendah(positif/negatif)

Perbincangan Berdasarkan Penemuan

Jadual 3 menunjukkan penemuan berkaitan dengan purata min dan sisihan piawai efikasi kendiri guru sekolah rendah kebangsaan di Selangor, Malaysia. Purata efikasi kendiri guru secara keseluruhannya ialah 4.40 ($SD = 0.544$) yang tinggi. Manakala tiga dimensi menunjukkan tahap tinggi bagi 3 dimensi efikasi kendiri guru, efikasi untuk strategi instruksional ($M = 4.38$, $SD = 0.541$), efikasi pengurusan murid ($M = 4.41$, $SD = 0.544$) dan efikasi pengurusan kelas ($M = 4.41$, $SD = 0.547$).

Jadual 3*Skor Min Dan Sisihan Piawai (SP) Untuk Dimensi Efikasi Kendiri Guru*

Efikasi Kendiri Guru	Min	SP	Tahap
Instruksional Strategi	4.38	.541	Tinggi
Penglibatan murid	4.41	.544	Tinggi
Pengurusan kelas	4.41	.544	Tinggi
Keseluruhan efikasi kendiri	4.40	.547	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan purata keseluruhan keberkesan sekolah di sekolah rendah kebangsaan di Selangor, Malaysia adalah tinggi dengan nilai min purata 7 korelasi yang dikaitkan dengan keberkesan sekolah ialah 4.04 ($SD = 0.802$). Peluang belajar atau masa instruksional mempunyai nilai min terendah iaitu 3.73 ($SD = 1.065$) manakala hubungan positif antara ibu bapa dan sekolah mempunyai nilai min tertinggi iaitu 4.326 ($SD = 0.659$).

Jadual 4*Skor Min Dan Sisihan Piawai (SP) Untuk Korelasi Keberkesan Sekolah*

Keberkesan sekolah	Min	SP	Tahap
Kepimpinan instruksional	3.77	.894	High
Misi yang berfokus dan jelas	3.78	.998	High
Persekuturan yang selamat dan teratur	4.29	.634	High
Harapan yang tinggi untuk kejayaan	4.13	.721	High
Pemantauan yang kerap	4.26	.646	High
Masa instruksional	3.73	1.065	High
Hubungan positif ibubapa dan sekolah	4.32	.659	High
Keseluruhan keberkesan sekolah	4.04	.802	High

PERBINCANGAN

Kajian ini dilakukan untuk memahami efikasi kendiri guru dan keberkesanannya sekolah di kalangan sekolah rendah kebangsaan di Selangor, Malaysia berdasarkan persepsi guru. Berdasarkan dapatan data, guru-guru di Selangor menganggap bahawa mereka mempunyai efikasi kendiri guru dan mereka mempunyai keyakinan yang tinggi dalam mengendalikan kelas dan murid. Guru-guru memiliki tanggungjawab yang besar dalam mendidik pelajar dan seharusnya mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap kebolehan mereka dalam mengatasi sebarang halangan wujud sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru dengan keyakinan yang tinggi, mampu mengatasi halangan dengan menggunakan kaedah dan strategi yang berbeza dan terbeza dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka (Freeman, 2008). Fatimah et al. (2024) menyatakan kajian-kajian lepas menunjukkan efikasi kendiri guru memberi kesan positif terhadap pencapaian pelajar tetapi kesan ini bergantung kepada kedudukan geografi sekolah. Selain itu, Zee dan Koomen (2016) menambahkan bahawa sifat positif guru ini berkaitan dengan hasil pencapaian pelajar dan juga turut meningkatkan keberkesanannya tahap kerja guru. Perkara ini turut menarik perhatian Benoliel dan Berkovich (2021), apabila efikasi kendiri guru adalah tinggi, guru-guru mempunyai kebolehan membuat keputusan secara analitikal untuk mengatasi sebarang masalah yang timbul dan berkemampuan untuk menangani sebarang masalah dengan mudah.

Azman et al. (2019) mengaitkan perilaku ini dengan proses kognitif yang berlaku dan sebaliknya guru-guru juga dapat membentuk perilaku pelajar. Efikasi kendiri guru mempengaruhi kelakuan murid sama ada secara positif atau negatif yang mempengaruhi pencapaian dan menentukan peluang yang akan datang. Griffin (2012) menambahkan bahawa keyakinan guru tidak hanya mempengaruhi kelakuan guru tetapi juga dapat menentukan kelakuan pelajar. Dapatkan juga menunjukkan bahawa tahap yang tinggi untuk strategi instruksional memastikan mereka menghasilkan kaedah pembelajaran, bahan bantuan dan mempunyai sumber daya yang berbeza dalam proses pembelajaran dan pengajaran (Bacon, 2020). Selain itu, guru-guru dapat membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran berfikir dengan alat dan teknik yang berbeza dengan kaedah pembelajaran yang baru. Kualiti strategi instruksional menentukan pencapaian pelajar meningkatkan komunikasi guru-pelajar dan menolong bentuk kelakuan daripada segi emosi dan sosial. Kemampuan guru dalam mengurus pelajar juga penting kerana motivasi pelajar menambah dan juga penting dalam pencapaian akademik mereka. Pemahaman pembelajaran abad ke-21 memerlukan kemampuan guru dalam memastikan pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam kegiatan kelas. Apabila pengurusan kelas dilakukan dengan betul, ia memperkuat hubungan di antara guru dan pelajar (Destebasi, 2020). Sementara itu, satu kajian yang dilakukan di utara Malaysia mendapati kualiti instruksional penting kerana ia mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi pembelajaran abad ke-21 kerana guru-guru mampu mengaplikasikan pelbagai teknik pembelajaran untuk menghasilkan pembelajaran yang interaktif (Shafiee & Ghani, 2022). Pengurusan kelas mempengaruhi pencapaian kedua-dua guru dan pelajar serta memberikan persekitaran yang selamat seperti yang dimaklumkan oleh Poindexter-Harris (2015), ia wujud berdasarkan kemampuan guru sebenar dalam mengendalikan situasi yang berlaku. Keyakinan guru juga membantu mereka dalam melaksanakan kaedah pembelajaran abad ke-21 seperti yang dimaklumkan oleh Hwang (2021) bahawa tahap efikasi kendiri guru yang tinggi menolong melaksanakan pembelajaran berteraskan pelajar, kerana pengurusan kelas yang baik dapat meningkatkan minat pelajar dan dapat mengurangkan stres guru.

Guru-guru sebagai agen perubahan berdasarkan Perancangan Pelajaran Kebangsaan (MEB) 2013-2025 merupakan salah satu sumber yang penting dalam sistem pendidikan kita. Meskipun terdapat banyak halangan seperti pelajar yang membawa pelbagai masalah (Ramli & Yusuf, 2020) dan kekurangan kemudahan yang disediakan di sekolah (Zakariya, 2020), namun perkara ini dapat diatasi apabila guru memiliki keyakinan diri yang lebih tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa keberkesanannya sekolah rendah kebangsaan di Selangor, Malaysia menunjukkan paras yang tinggi dan semuanya berdasarkan 7 korelasi keberkesanannya sekolah sebagai kriteria. Peranan ibu bapa dan masyarakat menunjukkan

komitmen yang tinggi dan ini menyokong penggunaan teori sistem terbuka untuk sekolah-sekolah Malaysia (Keetanjaly et al., 2017). Ramalingan et al. (2019) mencatatkan dalam kajian mereka bahawa kerjasama antara ibubapa, masyarakat dan sekolah menghasilkan sikap positif pelajar. Manakala Antoniou et al. (2023) menambahkan bahawa guru merasa tidak selamat apabila tiada sokongan daripada ibu bapa dan masyarakat kerana ibu bapa dianggap sebagai sumber utama untuk guru sebagai punca pelbagai sumber seperti tenaga kerja dan kewangan.

Sokongan daripada ibu bapa dan masyarakat meningkatkan keyakinan diri guru dengan mendapat bantuan dalam melakukan sesuatu aktiviti. Bartolome et al. (2020) menambah bahawa komunikasi yang efektif penting antara ibu bapa, masyarakat dan guru dalam penglibatan antara mereka kerana mereka boleh menambah banyak sumber sama ada kewangan, bahan atau bantuan lain yang difikirkan perlu. Oleh itu, komunikasi dengan ibu bapa, masyarakat dan guru dengan sokongan pengetua sekolah juga penting dalam mengesahkan prestasi murid.

Apabila pemimpin mampu berkomunikasi visi dan misi dengan jelas, matlamat umum sekolah diketahui oleh semua yang terlibat dengan sekolah. Bugang et al. (2023) dalam kajian mereka di Sarawak menemui bahawa komunikasi efektif pengetua mempengaruhi aspek kompleks guru secara keseluruhan. Thien dan Liu (2024) menyatakan bahawa kepimpinan penting dalam membina efikasi kendiri guru terutamanya apabila pengetua boleh memberi maklum balas yang positif dan menjadi model kepada guru-guru. Selain itu, pengetua turut membantu meningkatkan efikasi kendiri guru seperti dinyatakan Liebowitz dan Porter (2019) bahawa pengorbanan masa dan tenaga pengetua dapat membantu meningkatkan efikasi kendiri guru dan guru boleh berfungsi dengan efektif. Selebihnya, apa-apa rekomendasi atau cadangan sebenarnya harus dialukan (Ozgenel & Mert, 2019) kerana ini juga meningkatkan motivasi semua mereka yang terlibat dan dapat membantu pelajar mencapai keputusan yang cemerlang. Hal ini dapat dilihat dengan pemantauan berterusan dalam pencapaian pelajar. Efikasi kendiri guru juga menolong mereka membuat keputusan dalam merancang kegiatan dan peralatan yang sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Terutama dengan implementasi pembelajaran berdasarkan projek (PBL), pemantauan yang berpanjangan dan berterusan juga sangat penting (Ozgenel & Mert, 2019) kerana membantu meningkatkan motivasi semua pihak yang berkepentingan. Kerja-kerja pemantauan yang berterusan tetap memberi kepentingan dalam memahami prestasi murid dan juga membantu guru untuk merancang dan memeriksa bahan kerja (alat) serta kaedah yang sesuai untuk pencapaian murid.

Kebanyakan guru berpendapat bahawa sekolah-sekolah di Selangor, Malaysia mempunyai persekitaran yang selamat dan teratur kerana keadaan sekolah bebas daripada ancaman dan selamat daripada sebarang bencana. Tambahan pula, Yusoff et al. (2021) menambah bahawa sekolah rendah di Malaysia secara relatifnya berasas baik berbanding guru-guru di sekolah menengah kerana pelajar-pelajar sekolah menengah terdedah kepada ancaman seperti merokok, *vaping*, buli dan pelbagai masalah disiplin lain. Walaupun penemuan ini tidak menyokong kajian yang dijalankan oleh Lay dan Ng (2019) berdasarkan TIMSS 2015 yang mendapati guru-guru di Malaysia melaporkan bahawa pekerjaan mereka kurang teratur dan selamat, terutamanya disebabkan oleh tingkah laku pelajar tetapi bukan kerana fizikal bangunan atau persekitaran sekolah.

Guru-guru di sekolah rendah kebangsaan di Selangor, Malaysia merasakan bahawa mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk menyiapkan sukanan pelajaran kerana terikat dengan pelbagai aktiviti lain yang kadang-kadang wujud secara ad-hoc. Guru-guru di sekolah kebangsaan di Malaysia dikehendaki untuk melatih pelajar-pelajar mereka daripada segi akademik dan bukan akademik, dan juga tugas mereka kebanyakannya memerlukan mereka untuk keluar dari sekolah dengan kerap. Ini menjelaskan maklumat mengenai peluang untuk belajar atau masa pengajaran seperti yang dinyatakan oleh Hiew (2020) bahawa guru-guru di Selangor berasa bahawa mereka terbebani dengan kerja-kerja

yang berlebihan yang tiada kaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Shafiee dan Ghani (2022) dalam kajian mereka juga mencadangkan Kementerian Pendidikan Malaysia mesti memberi tumpuan kepada infrastruktur dan pencapaian internet dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21. Tambahan pula, terdapat juga pelbagai program dan aktiviti ad hoc lain yang menggunakan masa pengajaran mereka. Gunal dan Demirtaşlı (2016) menyatakan bahawa guru-guru perlu menghabiskan masa yang lebih lama di luar waktu pengajaran dengan pelajar-pelajar dan ini telah menjadi halangan kepada banyak guru. Guru-guru juga terlalu letih dan cenderung untuk menggunakan sumber yang minimum untuk mengajar dan mereka tidak akan mengambil sebarang usaha tambahan untuk mencipta pengajaran kelas yang menarik.

Penemuan kajian menunjukkan bahawa efikasi kendiri guru dan keberkesanan sekolah mempunyai hubungan yang sederhana. Kajian-kajian yang dijalankan oleh Noh et al. (2021) dan Kim dan Seo (2020) menunjukkan bahawa efikasi kendiri guru yang tinggi memainkan peranan yang besar dalam pencapaian pelajar terutamanya keberkesanan sekolah secara umum. Kasalak dan Dogger (2020) menggambarkan bahawa kejayaan guru terletak pada tahap efikasi kendiri guru mereka kerana faktor ini mampu mempromosi pembelajaran, pengurusan kelas dan kerjasama antara lain. Guru-guru juga lebih berminat untuk menyesuaikan dan mencipta kaedah dan teknik baru untuk mencapai visi sekolah. Guru-guru juga perlu berubah secara mengikut kejayaan pelajar. Sandaraj dan Hashim (2022) dalam kajian mereka mengenai efikasi kendiri guru dan pencapaian pelajar dalam kemahiran membaca di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah di Malaysia mendapati bahawa efikasi kendiri guru ialah aset yang patut dipupuk dan keperluan yang perlu dipenuhi. Jeffri dan Hamid (2022) menyimpulkan bahawa efikasi kendiri guru ialah faktor penting dalam menghasilkan prestasi sekolah yang cemerlang. Kesemua penemuan ini menyokong kajian semasa dan ialah petunjuk bahawa efikasi kendiri guru ialah faktor penting dalam membantu keberkesanan sekolah. Adnan et al. (2019) menyatakan guru-guru berkemampuan mengawal proses pembelajaran pelajar-pelajar mereka.

Meningkatkan efikasi kendiri guru adalah penting kerana ia memperkuuhkan mereka untuk menghadapi sebarang cabaran. Ia juga membantu tingkah laku pelajar-pelajar dan meningkatkan motivasi mereka. Ketiga-tiga dimensi dalam efikasi kendiri guru ini memainkan peranan yang penting dalam keberkesanan sekolah seperti yang dinyatakan oleh Tschannen-Moran (2021) bahawa ketiga-tiga dimensi ini ialah faktor untuk kualiti pelajar. Seperti yang dinyatakan oleh Thayer (2020), guru mempunyai kewajipan untuk mempengaruhi pelajar-pelajar dalam mengambil bahagian aktif dalam proses pembelajaran mereka.

KESIMPULAN

Guru-guru amat penting dalam membentuk hidup pelajar dan efikasi diri guru merupakan faktor yang membantu proses tersebut. Ia sangat penting bagi pemikiran dan kepercayaan guru dalam diri mereka untuk berjaya dalam peperiksaan kelas. Ia sangat penting bagi guru untuk mempunyai efikasi diri yang tinggi dalam tiga aspek; strategi pengajaran, pengurusan kelas dan kejayaan pelajar untuk mengajar secara bermanfaat kerana ia membantu mereka dalam melaksanakan bahan dan kaedah pengajaran baru dan menarik. Selain itu, efikasi diri yang tinggi juga membantu mereka dalam mengawal pembelajaran murid serta mengawal tingkah laku mereka. Kajian ini juga membuktikan bahawa efikasi diri guru penting dalam meningkatkan kemampuan potensi pelajar.

Guru-guru boleh meningkatkan efikasi kendiri mereka dengan mengadakan komuniti pembelajaran profesional (PLC) dengan guru-guru lain terutamanya guru cemerlang dan guru senior. PLC ini juga boleh dijalankan dengan guru-guru yang mempunyai kepentingan yang sama dari sekolah lain dengan sokongan daripada pihak pentadbir. Pentadbir sekolah juga boleh mengadakan sesi pertemuan dengan guru-guru dan memberi nasihat serta galakkan mereka menjalankan proses pengajaran. Sekolah juga patut memberi tempoh masa yang sesuai untuk guru-guru mencapai visi dan misi yang ditetapkan.

Kajian ini boleh diteruskan dengan mengkaji efikasi kendiri guru dan melihat kesannya pada faktor lain seperti kepimpinan dan budaya sekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil serta sekolah menengah di Malaysia. Selain itu, penyelidikan ini boleh dibuat dengan perspektif yang berbeza melalui penggunaan kaedah dan alatan digital untuk mengkaji efikasi diri guru. Untuk mendapatkan hasil yang lebih baik serta jitu, kajian kes jangka panjang boleh dibuat untuk meneliti kesan efikasi diri guru terhadap keberkesanan sekolah.

RUJUKAN

- Abdullah, S. M. (2019). Social cognitive theory: A Bandura thought review published in 1982-2012. *Psikodimensia*, 18(1), 85-100.
- Abdullah, J. B., Suprammaniam, S. S., Mohamed, N. A. S., & Yusof, S. I. M. (2020). The relationship of instructional leadership towards teachers' development through instructional coaching among malaysian school leaders. *International Educational Research*, 3(2), p9-p9.
- Adnan, M., Azrien, M., Mamat, A., Ibrahim, M. B., Mohamed, A., & Hassanein, I. (2019) Teacher efficacy and commitment in teaching Arabic: A correlational study. *Religación*, 4, 57-66.
- Agustina, R., Kamdi, W., Hadi, S., & Nurhadi, D. (2020). Influence of the principal's digital leadership on the reflective practices of vocational teachers mediated by trust, self efficacy, and work engagement. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(11).
- Antoniou, A. S., Efthymiou, V., Polychroni, F., & Kofa, O. (2023). Occupational stress in mainstream and special needs primary school teachers and its relationship with self-efficacy. *Educational Studies*, 49(1), 200-217.
- Azman, N. H., Mohamed, S., & Mohamad, M. (2019) Validity and reliability of questionnaire on preschool teachers' self-efficacy in the teaching of English as a Second Language. *Religación*, 4, 50-56.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy in changing societies*. Cambridge University Press.
- Bacon, W. J. (2020). *New teacher induction: Improving teacher self-efficacy*. University of Kentucky.
- Bartolome, M. T., Mamat, N., & Masnan, A. H. (2020). Exploring kindergarten teachers' perspectives in parental involvement in the Philippines. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 9(1), 44-58.
- Benoliel, P., & Berkovich, I. (2021). Ideal teachers according to TALIS: Societal orientations of education and the global diagnosis of teacher self-efficacy. *European Educational Research Journal*, 20(2), 143-158.
- Bugang, L., Ishak, R., & Ghani, M. F. A. (2023). Hubungan gaya komunikasi kepimpinan guru besar dengan tahap efikasi kendiri guru sekolah rendah daerah Dalat, Sarawak. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(3), 13-26.
- Burić, I., & Kim, L. E. (2020). Teacher self-efficacy, instructional quality, and student motivational beliefs: An analysis using multilevel structural equation modeling. *Learning and Instruction*, 66, 101302.
- Chua, Y. P. (2012). *Mastering research methods*. McGraw-Hill Education.
- Conary, B. P. (2019). *The relationship between teacher self-efficacy and the quantity of office discipline referrals they write*. Liberty University.
- Destebasi, F. (2020). *Predicting pre-service teachers' self-efficacy in content area reading: a multiple progression analysis*. University of Kentucky.
- Evans, S. S. (2020). *The self-efficacy of rural middle school teachers working with families in relation to student achievement*. Liberty University.
- Fatimah, S., Murwani, F. D., Farida, I. A., & Hitipeuw, I. (2024). Academic self-efficacy and its effect on academic engagement: MetaAnalysis. *International Journal of Instruction*, 17(1), 271-294.
- Folk, W. A. (2015). *Teacher self-efficacy, teacher attitudes about reform accountability measures, and teacher*. January.

- Ford, I. R. (2012). *Teacher self-efficacy and its influence on student motivation*. Cleveland State University.
- Freeman, C. (2008). *Teacher efficacy and its impact on student achievement*. Regis University.
- Ghasemoland, Farimah (2014) *Self-efficacy beliefs among English as a foreign language teachers in selected language centers*. University of Malaya.
- Griffin, K. L. (2009). *The relationship between self-efficacy of teachers and their perception of the school principal's leadership style*. Mercer University.
- Goksoy, S. (2020). The necessity of school effectiveness and the ways to reach. *Asian Journal of Education and Social Studies*, 38-53.
- Günal, Y., & Demirtasli, R. N. (2016). A pathway to educational accountability: The relationship between effective school characteristics and student achievement. *Universal Journal of Educational Research*, 4(9), 2049-2054.
- Gustin, D. M. (2018). *Indiana alternative education programs and schools: Educator perceptions of Lezotte's correlates of effective schools and the Indiana AF grading system*. Ball State University.
- He, N., & Miao, D. (2006). Retrospect and prospect of studies of teacher efficacy in China. *Online Submission*, 3(3), 31-36
- Hiew, Y. F. (2020). *Exploration of teachers' strategies to promote critical thinking among students in two chinese vernacular schools, Selangor, Malaysia*. University of Malaya.
- Hwang, S. (2021). The mediating effects of self-efficacy and classroom stress on professional development and student-centered instruction. *International Journal of Instruction*, 14(1), 1-16.
- Ismail, N. A., & Wahid, N. A. (2018). Empowering the self-efficacy of teachers in Malaysia through the academic revolution 4.0. *International Journal of Academic*.
- Ismail, M., Khatibi, A., & Azam, S. F. (2022). Impact of school culture on school effectiveness in government schools in Maldives. *Participatory Educational Research*, 9(2), 261-279.
- Ismail, M. I. H., & Abdul Aziz, A. (2019). TS25 school teachers' perceptions of differentiated learning in diverse ESL classrooms. *Journal of Education and Social Sciences*, 13(1), 95–107.
- Jane, M., & Hirt, K. (2016). *Path-Goal Theory of Leadership*. 1–6. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-31816-5>
- Jeffri, A. I., & Hamid, A. H. A. (2022). The relationship between 21st-century instructional leadership and teachers' self-efficacy. *Sciences*, 12(9), 258-271.
- Johnakin-Putnam, S. (2020). *The impact of teacher intrinsic and extrinsic motivation on teacher self-efficacy*. Liberty University.
- Johar, E. M. (2022). A confirmatory factor analysis on teachers' sense of efficacy scale for in-service teachers in Malaysia. *Sciences*, 12(9), 1028-1045.
- Kasalak, G., & Dagyar, M. (2020). The relationship between teacher self-efficacy and teacher job satisfaction: A meta-analysis of the teaching and learning international survey (TALIS). *Educational Sciences: Theory and Practice*, 20(3), 16-33.
- Keetanjaly, A., Abdul Kadir, S., Su Luan, W., & Abdullah, A. (2019). The role of creativity in principals' leadership practices towards parental involvement: The mediating role of school practices and school climate. *International Journal of Educational Management*, 33(6), 1352-1365.
- Khairani, A. Z., & Makara, K. A. (2020). Examining the factor structure of the teachers' sense of efficacy scale with Malaysian samples of in-service and pre-service teachers. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 28(1), 309-323.
- Kim, K. R., & Seo, E. H. (2018). The relationship between teacher efficacy and students' academic achievement: A meta-analysis. *Social Behavior and Personality: An International Journal*, 46(4), 529-540.
- Lacks, P. (2016). *The relationships between school climate, teacher self-efficacy, and teacher beliefs*. Liberty University.

- Laughter, E. B. (2017). *The relationship between teacher self-efficacy and student discipline referrals written by secondary teachers from a rural school district in a southern state*. Liberty University.
- Lay, Y. F., & Ng, K. T. (2019). The predictive effects of school safety on Southeast Asian Grade 8 Students' Science Achievement in TIMSS 2015. *Jurnal Pendidikan IPA Indonesia*, 8(3), 426-435.
- Lezotte, L. W., & Snyder, K. M. (2011). *What effective schools do: Re-envisioning the correlates*. Solution Tree Press.
- Liebowitz, D. D., & Porter, L. (2019). The effect of principal behaviors on student, teacher, and school outcomes: A systematic review and meta-analysis of the empirical literature. *Review of Educational Research*, 89(5), 785-827.
- Liang, F. S., & Tai, M. K. (2021). Efikasi kendiri guru di sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(40), 160-167. DOI: 10.35631/IJEPC.640013
- Lunenberg, F. C. (2010). Schools as open systems. *Schooling*, 1(1), 1–5.
- Malaysia. (2013). *Malaysia Education Blueprint 2013-2025: Pre-school to Post Secondary*. Ministry of Education Malaysia.
- Mansor, A. N., Hamid, A. H. A., Medina, N. I., Vikaraman, S. S., Abdul Wahab, J. L., Mohd Nor, M. Y., & Alias, B. S. (2022). Challenges and strategies in managing small schools: A case study in Perak, Malaysia. *Educational Management Administration & Leadership*, 50(4), 694-710.
- Martin, L. E., & Mulvihill, T. M. (2019). Voices in education: Teacher self-efficacy in education. *The Teacher Educator*, 54(3), 195-205.
- Noh, M. R. M., Sabran, S., Abdullah, N. A. L., & Said, O. F. M. (2021). The competency of headmaster's leadership practice in School Transformation Programme 2025 (TS25) of the Ministry of Education Malaysia in primary school at Sabak Bernam district. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 10(1), 65-72.
- Ololube, N. P. (2017). The place of school as a formal organisation and the quality of Nigerian education: A systems approach. *Journal of Education and Society*, 7(1), 40-56.
- Ong, W. X., Chong, S. K., Zakaria, N., & Bakar, R. S. (2022). Sense of efficacy and psychological distress among primary school teachers in Kinta Utara District, Perak, Malaysia. *Malaysian Journal of Psychiatry*.
- Özdemir, G., Sahin, S., & Öztürk, N. (2020). Teachers' self-efficacy perceptions in terms of school principal's instructional leadership behaviours. *International Journal of Progressive Education*, 16(1), 25-40.
- Özgenel, M., & Mert, P. (2019). The role of teacher performance in school effectiveness. *International Journal of Education Technology and Scientific Researches*, 4(10), 417-434.
- Perera, H. N., Calkins, C., & Part, R. (2019). Teacher self-efficacy profiles: Determinants, outcomes, and generalizability across teaching level. *Contemporary Educational Psychology*, 58, 186-203.
- Poindexter-Harris, C. (2015). *The effects of a multi-layer accountability system on teacher self-efficacy and classroom goal orientations and its impact on student performance*. Loyola University Chicago.
- Ramli, R., & Yusoff, N. M. (2020). Self-efficacy and differentiated instruction: A study among Malaysian school teachers. *Universal Journal of Educational Research*, 8(4), 1252-1260.
- Ramanlingam, S., & Maniam, M. (2020). Teachers' perspective on the importance of parents' roles in students' academic achievement using school and family partnership model (Epstein): A qualitative study. *Universal Journal of Educational Research*, 8(8), 3346-3354.
- Sandaraj, M., & Hashim, H. (2022). Establishing the relationship between teacher efficacy and malaysian primary pupils' achievement in formative reading assessment. *Creative Education*, 13(2), 491-503.
- Shafiee, N. S., & Ghani, M. A. (2022). The influence of teacher efficacy on 21st century pedagogy. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 21(1), 217-230.

- Talebloo, B., (2015). *Transformational leadership, organizational citizenship behaviour and school effectiveness in primary schools, Selangor, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Thien, L.M & Razak, N., A. (2012): Academic coping, friendship quality, and student engagement associated with student quality of school life: A partial least square analysis. *Social Indicators Research*, 112, 679-708.
- Thien, L. M., & Liu, P. (2024). Linear and nonlinear relationships between instructional leadership and teacher professional learning through teacher self-efficacy as a mediator: A partial least squares analysis. *Humanities and Social Sciences Communications*, 11(1), 1-13.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A. W., & Hoy, W. K. (1998). Teacher efficacy: Its meaning and measure. *Review of Educational Research*, 68(2), 202-248.
- Wangid, M. N., Mustadi, A., & binti Mokshien, S. E. (2020). The exploration of teacher's efficacy in teaching: Comparative study in Indonesia and Malaysia. *Jurnal Cakrawala Pendidikan*, 39(2).
- Yusoff, Z. J. M., Omar, M. C., & Don, Y. (2021). The environment of effective and ineffective schools in Malaysia [Persekitaran sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan di Malaysia]. *Global Journal of Educational Research and Management*, 1(1), 42-57.
- Zakariya, Y. F. (2020). Effects of school climate and teacher self-efficacy on job satisfaction of mostly STEM teachers: A structural multigroup invariance approach. *International Journal of STEM Education*, 7, 1-12.
- Zainal, M. A., & Mohd Matore, M. E. E. (2021). The influence of teachers' self-efficacy and school leaders' transformational leadership practices on teachers' innovative behaviour. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(12), 6423.
- Zarina, W. (2017). *Leadership behaviours, best practices and capitals in selected transformed schools in Selangor: A multiple-case study*. University of Malaya.
- Zee, M., & Koomen, H. M. (2016). Teacher self-efficacy and its effects on classroom processes, student academic adjustment, and teacher well-being: A synthesis of 40 years of research. *Review of Educational Research*, 86(4), 981-1015.